

MENYELESAIKAN MASALAH MEMBINA AYAT DALAM PENULISAN BAHASA INGGERIS TAHUN 5 MENGUNAKAN JADUAL SVO

SOLVING THE PROBLEM OF ENGLISH WRITING YEAR 5 IN BUILDING SENTENCES USING THE SVO TABLE

Umami Salehah Binti Hamzah¹

¹SK Jalan Enam, Bandar Baru Bangi, Selangor (Email: ummihamzah80@gmail.com)

Article history

Received date : 15-8-2022

Revised date : 16-8-2022

Accepted date : 11-10-2022

Published date : 15-10-2022

To cite this document:

Hamzah, U. S. (2022). Menyelesaikan Masalah Membina Ayat Dalam Penulisan Bahasa Inggeris Tahun 5 Menggunakan Jadual SVO. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 5(16), 18 - 30.

Abstrak: Bahasa Inggeris merupakan mata pelajaran yang sukar untuk mendapat keputusan yang baik lebih-lebih lagi di dalam penulisan karangan. Oleh yang demikian pengkaji terpenggil untuk melakukan kajian tindakan bagi membantu murid-murid kelas 5 Dinamik khususnya murid yang lemah untuk membina ayat mudah di dalam kertas penulisan Bahasa Inggeris. Bagi membantu murid, pengkaji telah membuat kajian menggunakan jadual SVO (Subject Verb Object) dengan kaedah membulatkan gambar. Kelas 5 Dinamik mempunyai 42 orang murid keseluruhannya dan kajian ini mensasarkan 13 orang murid lelaki dan 7 orang murid perempuan dari SK Jalan Enam, Bandar Baru Bangi. Instrumen yang digunakan ialah melalui pemerhatian semasa pengajaran dan pembelajaran berlangsung serta melihat hasil kerja murid yang di hasilkan setelah sesi pengajaran dan pembelajaran tamat. Setelah menjalankan kaedah ini, pengkaji mendapati murid menunjukkan peningkatan dari segi pemahaman serta hasil kerja mereka. Tambahan pula, kelas tidak lagi pasif dan murid dapat membina ayat mudah tanpa melakukan kesalahan sekaligus dapat meningkatkan keyakinan dan motivasi diri dalam menulis ayat mudah. Pengkaji berharap agar kaedah ini di guna pakai terutamanya murid yang lemah untuk membina ayat serta dapat meningkatkan motivasi dan keyakinan diri mereka untuk menulis ayat mudah seterusnya menulis karangan pendek dalam Bahasa Inggeris.

Kata Kunci: Bahasa Inggeris, penulisan, membina ayat mudah

Abstract: English is a difficult subject to get good results especially in essay writing. Therefore, in obtaining good result action research was conducted to help Dynamic 5th grade pupils especially weak pupils to construct simple sentences in English writing paper. In order to help the pupils, the researcher has made a study using Subject Verb Object (SVO) table with the method of circling the picture. Class 5 Dinamik has 42 students in total and this study targets 13 male pupils and 7 female pupils from SK Jalan Enam, Bandar Baru Bangi. The instrument used via observation during teaching and learning session as well as looking at the results of pupil's work produced after the teaching and learning session is over. After carrying out this method, the researchers found that pupils showed improvement in terms of understanding as well as their work results. Furthermore, the class is no longer passive and pupils can construct

simple sentences without making mistakes as well as increase self -confidence and motivation in writing simple sentences. The researcher hopes that this method is used especially for pupils who are weak to build sentences and can increase their motivation and self -confidence to write simple sentences and then write short essays in English.

Keywords: *English, writing, simple sentences*

Refleksi Kajian

Penulisan merupakan salah satu kemahiran dalam bahasa Inggeris selain bertutur, membaca dan mendengar. Menurut Ling (2016), menulis merupakan aktiviti yang pelbagai yang perlu dijalankan sejak dari sekolah rendah agar dapat menjana karya penulisan yang baik pada masa hadapan. Menurut pengkaji lain, kemahiran menulis merupakan kemahiran yang paling mencabar berbanding kemahiran lain (Abdullah & Yunus, 2019; Liong & Yunus, 2019; Tan & Wan, 2019; Sa'diyah, 2017; Wening, 2017). Dengan kata lain, kemahiran menulis merupakan kemahiran yang paling sukar dikuasai oleh murid berdasarkan tahap dan cara belajar.

Pengkaji terpanggil untuk membuat kajian dalam penulisan bahasa Inggeris setelah mendapati setiap kali menjalankan pengajaran dan pembelajaran (Pdp) menulis karangan, murid tidak berminat dan tidak bersedia dengan menunjukkan tindak balas yang pasif di mana mereka kurang berinteraksi bersama pengkaji, maksud (pdp) pengkaji akan menjadi satu hala dan murid hanya menunggu ayat atau karangan pengkaji di papan putih dan akan menyalin karangan tersebut. Menurut kajian Foster (2015) kesediaan murid merupakan satu cabaran dalam menyediakan murid untuk menulis karangan. Ia turut dipersetujui oleh pengkaji Winarso (2016) dimana menurut beliau kesediaan adalah sangat penting sama ada kesediaan fizikal dan kesediaan mental.

Selain itu, apabila pengkaji memberi latihan kepada murid, murid akan mencampur adukkan ayat bahasa Inggeris dengan bahasa Malaysia. Ini disokong dengan hasil kajian Misbah et al (2017), menyatakan bahawa bahasa Malaysia mempunyai pengaruh yang kuat menyebabkan murid cenderung merujuk kepada bahasa pertama ketika menulis dalam bahasa Inggeris. Tambahan pula dengan kekurangan perbendaharaan kata Misbah et al. (2017) serta kelemahan dalam mengeja Nyang'au Benard (2014) menyebabkan murid menghadapi cabaran dalam memperoleh kemahiran menulis.

Selain itu, menurut kajian Ridzwan & Zahariah (2017) merumuskan murid lebih mengutamakan bahasa ibunda mereka dan hanya bahasa Malaysia sahaja yang diterima dan digunakan sepanjang proses pembelajaran. Tambahan pula, sekiranya diberi latihan untuk di bawa pulang, mereka akan menghantar kerja rumah yang kosong atau hanya menampal gambar sahaja. Dari pemerhatian tersebut, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa murid yang lemah ini mempunyai masalah untuk membina ayat. Mereka keliru untuk menyusun ayat yang betul dan pengkaji dapati hasil ayat mereka juga bertaburan dan tidak tepat. Ini disebabkan juga dengan sikap mereka yang kurang pendedahan terhadap buku dan bahan bacaan (Foster 2015) serta kekurangan pembacaan yang meluas mengakibatkan murid tidak menulis ayat atau perenggan yang baik (Fareed et al. 2016)

Oleh yang demikian, pengkaji berazam untuk membetulkan dan melakukan perubahan dalam teknik penulisan murid-murid pengkaji. Faktor utama yang mendorong pengkaji untuk melakukan perubahan pada teknik pengajaran adalah kerana ingin meningkatkan Tahap

Penguasaan (TP) murid di dalam penulisan. Menurut DSKP Tahun 5, dalam 3.2.2 (a) murid boleh menulis dengan bantuan berbentuk (cerita). Oleh disebabkan itu, dengan teknik ini, pengkaji berharap dapat meningkatkan kefahaman dan keyakinan murid terhadap bahasa Inggeris sekaligus dapat meningkatkan motivasi murid

Fokus Kajian

Murid menghadapi masalah untuk menulis ayat mudah kerana beberapa kelemahan dari segi penyusunan ayat, ejaan, kosa kata dan tatabahasa menyebabkan mereka tidak dapat menulis ayat dengan baik. Sekiranya (pdp) berjalan di dalam kelas, mereka bersikap menunggu ayat dari guru, bersikap pasif, kurang memberi respond, memandang ke arah lain apabila pengkaji mengajukan soalan atau bertanyakan idea. Motivasi dan sikap rendah diri mengakibatkan mereka akan menyalin ayat tersebut setelah perbincangan pengkaji bersama murid lain di dalam kelas. Sikap mereka yang terlalu pasif menyebabkan pengkaji yakin mereka tidak faham dan tidak tahu teknik yang mudah untuk membina ayat.

Objektif Kajian

Pengkaji perlu menyelesaikan isu ini agar murid dapat menulis ayat mudah dan betul. Pengkaji berharap agar murid dapat membina ayat mudah berdasarkan gambar yang diberi menggunakan jadual *Subject Verb Object* (SVO) dengan kaedah membulatkan gambar. Ini dapat membantu mereka untuk meningkatkan TP murid sekurang-kurangnya mendapat TP 3 dan secara tidak langsung dapat meningkatkan motivasi diri dan keyakinan untuk menulis ayat mudah dalam bahasa Inggeris.

Kumpulan Sasaran


Pengkaji memilih murid tahun 5 Dinamik yang terdiri dari 42 orang murid. Pemilihan murid seramai 20 orang murid terdiri dari 13 lelaki dan 7 perempuan berdasarkan TP dalam penulisan yang mendapat bawah TP3 setelah diselia selama 4 bulan pada awal tahun 2022 dan 1 tahun pada tahun 2021 semasa pdpr di jalankan.

Pelaksanaan Kajian

Jadual (SVO) ialah singkatan dari *Subject* (S), *Verb* (V) dan *Object* (O) beserta kaedah membulatkan gambar. Penerangan *Subject* itu bermaksud siapa dan apa yang harus diletakkan pada (S) contoh En. Ahmad. Diteruskan dengan menerangkan (V) sebagai aktiviti atau kata kerja yang dilakukan oleh *subject* sebagai contoh menanam (*planting*) dan akhir sekali O iaitu murid perlu menjawab *wh questions* iaitu apa, bagaimana dan mengapa bagi melengkapkan satu ayat mudah. Bagi murid ini, pengkaji galakkan mereka untuk menjawab sekurang-kurangnya 1 atau 2 persoalan dari *object* bagi melengkapkan ayat penuh.

Setelah selesai membulatkan gambar, murid akan memasukkan butiran S, V, O tadi di dalam jadual SVO. Sekiranya murid tidak melengkapkan jadual SVO tersebut, ini menunjukkan ayat mereka tidak lengkap dan murid boleh bertanya pada diri sendiri dengan menjawab persoalan pada *object* lagi. Kaedah ini menjadikan murid lebih jelas pada kesilapan yang mereka lakukan. Oleh yang demikian, murid akan lebih berhati-hati dan bersedia dengan persoalan setiap kali mereka ingin membina ayat.

Langkah murid membulatkan gambar akan di selangi dengan mengisi jadual SVO di dalam petak tersebut. Proses ini perlu di buat satu demi satu sehingga tiada lagi *subject* dan *verb* untuk di bulatkan pada rajah. Di sini pengkaji sertakan contoh jadual SVO bagaimana murid perlu menulisnya.



Rajah 1: Cara Membulat Dan Melabel Gambar

Jadual 1: Contoh Jadual SVO

<i>Subject (Who)</i>	<i>Verb (activities)</i>	<i>Object (Wh questions) what, when, why</i>
The girl	is reading	her favourite storybook (what) on the table (where)

Sebelum pengkaji membuat jadual SVO seperti jadual 1 diatas, pengkaji telah melaksanakan kajian. Pengkaji telah memberi satu latihan bergambar sebagai latihan menulis 5 ayat mudah pada kesemua murid. Pengkaji telah memberi penerangan seperti arahan dan juga menerangkan maksud perkataan yang diberi. Tempoh masa 30 minit telah pengkaji berikan pada kesemua murid tersebut, malangnya sehingga 40 minit tempoh masa di beri, 20 murid ini hanya menulis 1 atau 2 perkataan, mencampur adukkan kedudukan ayat (SVO), dan tidak melengkapkan ayat menyebabkan ayat itu tergantung dan tidak difahami.

Oleh itu, keesokan harinya pengkaji telah menerangkan murid dengan kaedah jadual (SVO) dengan kaedah membulat gambar. Pengkaji menggunakan kaedah membulat gambar pada soalan yang di jalankan serta melengkapkan jadual (SVO).

Pengkaji akan meminta murid untuk membulatkan gambar dengan menggunakan kaedah S(*subject*) V (*Verb/kata kerja*) dan O (*object/ menjawab menggunakan wh questions*). Seiring dengan itu, murid akan mengisi jadual SVO tersebut. Selain menulis karangan bahasa Inggeris, kaedah ini boleh diguna pakai untuk menulis karangan bahasa Malaysia di mana soalan karangan bahagian C turut meminta murid menulis karangan.

Tinjauan Masalah

Jadual 2: Menunjukkan Beberapa Langkah Untuk Mengesan Masalah Pada Murid.

Langkah	Cara penilaian	Kumpulan sasaran	Tujuan
Langkah 1	Pemerhatian dari pertanyaan penkaji terhadap gambar rajah yang di beri	Terdiri 20 orang murid	1. Untuk melihat tindak balas atau respond murid 2. Untuk mencungkil idea atau pandangan murid terhadap gambar yang diberi.

Langkah 2	Memberi latihan berdasarkan contoh kertas penulisan bahagian C	Terdiri 20 orang murid	<ol style="list-style-type: none"> 1. Untuk melihat hasil kerja murid setelah pengkaji memberi arahan 2. Untuk melihat hasil kerja murid setelah pengkaji memberi penerangan, tunjuk ajar dan maksud pada perkataan yang sukar untuk difahami sebelum mereka melakukan tugas. 3. Untuk melihat sejauh mana murid faham pada penerangan dan tugas yang telah diberikan.
-----------	--	------------------------	---

Analisis Tinjauan Masalah

Jadual 3: Menunjukkan Langkah Menganalisis Masalah Yang Timbul

Langkah	Cara penilaian	Kumpulan sasaran	Masalah dikenal pasti
Langkah 1	Pemerhatian dari pertanyaan pengkaji terhadap gambar rajah yang di beri	Terdiri 20 orang murid	<ol style="list-style-type: none"> 1. Murid tidak memberi respond, hanya mendiamkan diri apabila ditanya 2. Pembelajaran menjadi satu hala. 3. Suasana pembelajaran menjadi sunyi dan membosankan.
Langkah 2	Memeriksa latihan murid.	Terdiri 20 orang murid	<ol style="list-style-type: none"> 1. Murid tidak dapat menulis ayat mudah yang lengkap. 2. Murid tidak menyiapkan kerja, hanya menampal gambar sahaja 3. Dapat menulis hanya 1 ayat penuh, selebihnya tidak lengkap

Tindakan Yang Dijalankan

Jadual 4: Menunjukkan Beberapa Tindakan Yang Digunakan Untuk Mengatasi Masalah

Langkah	Tindakan	Kumpulan Sasaran	Tujuan
Langkah 1	1. Pengajaran dijalankan dengan bantuan perkataan dalam bahasa Inggeris	20 orang murid	<ol style="list-style-type: none"> 1. Meningkatkan keyakinan diri murid 2. Meningkatkan kefahaman tatabahasa (kata kerja) di dalam gambar

Langkah 2	1.Penerangan tentang kaedah SVO dengan memberi latihan tubi pelbagai gambar yang mempunyai banyak (kata kerja)	20 orang murid	1.Melatih murid untuk kaedah membulat gambar dan jadual SVO pada latihan yang diberi
-----------	--	----------------	--


Intervensi Kajian

Jadual 5: Menunjukkan Beberapa Peringkat Pelaksanaan Kajian.


<p style="text-align: center;">Pelaksanaan Peringkat Pertama</p> <p>Penerangan dari guru cara penggunaan jadual SVO dengan kaedah membulatkan gambar. Penerangan memfokuskan pada istilah SVO Apa itu subjek (S) (subjek terdiri dari manusia, haiwan, benda) Apa itu kata kerja (V) (verb) merupakan perbuatan yang dilakukan, contohnya kata kerja seperti <i>run, walk, jump</i>. Apa itu objek (O) yang merupakan persoalan yang perlu dijawab oleh murid menggunakan 'wh questions' seperti apakah, dimanakah, bagaimanakah. Beberapa contoh teknik membulat gambar dan menanda simbol telah ditunjukkan pada murid.</p>
<p style="text-align: center;">Pelaksanaan Peringkat Kedua</p> <p>Pengkaji menekankan kepada kaedah membulatkan gambar dan jadual SVO. Satu gambar (subjek) murid akan terus melengkapkan jadual SVO. Murid membulat gambar dan menulis simbol S dan V pada gambar tersebut. selain itu murid terus menamakan Subjek dan juga <i>Verb</i> itu. Sebagai contoh S untuk Puan Salmi dan V untuk <i>is reading</i> berdasarkan gambar yang diberi. Proses ini akan berterusan sehingga tiada lagi subjek dan kata kerja yang perlu dibulatkan.</p>
<p style="text-align: center;">Pelaksanaan Peringkat Ketiga</p> <p>Murid diberi gambar latihan yang pertama untuk menguji kemampuan murid untuk menulis ayat mudah mengikut jadual SVO Kesemua murid tadi dapat mengaplikasikan Jadual SVO kaedah membulatkan gambar dengan sedikit bantuan dari pengkaji. Bantuan dari segi mengeja beberapa perkataan. Pengkaji membuat perbincangan bersama murid, murid menulis ayat di hadapan dan guru atau murid membetulkan ayat sekiranya terdapat kesilapan.</p>

Hasil Kerja Murid Sebelum Penerangan Jadual SVO Dengan Kaedah Membulatkan Gambar

Disini, pengkaji menunjukkan hasil kerja murid pengkaji sebelum pelaksanaan kaedah kajian tindakan. Hasil semakan seurus pengkaji memberi latihan, pengkaji mendapati murid pengkaji yang bermasalah ini tidak menyiapkan ayat mudah, hanya menampal gambar sahaja dan sekiranya mereka membuat ayat, ayatnya tergantung dan tidak mempunyai maksud dan bertaburan. Contoh beberapa keping gambar pengkaji sertakan di bawah.




Rajah 2: Tidak Menyiapkan Tugas, Ayat Yang Ditulis Bertaburan



Rajah 3: Tidak Menyiapkan Tugas, Penggunaan Tatabahasa Yang Salah




Rajah 4: Tidak Melengkapkan Tugas




Rajah 5: Tidak Menyiapkan Tugas dan Ayat Yang Di Tulis Tiada Maksud Yang Diutarakan


Penerangan Dan Latihan Menggunakan Jadual SVO Dengan Kaedah Membulat Gambar Dijalankan



Rajah 6: Murid Sedang Mempraktikkan Jadual SVO Dengan Membulatkan Gambar



Rajah 7: Latih Tubi Yang Dijalankan



Rajah 8: Latih Tubi Dari Pelbagai Latihan Bagi Membiasakan Murid Membulat Dan Melengkapkan Jadual SVO

Dapatan Dan Hasil Kajian


Berdasarkan kajian yang telah pengkaji lakukan, penggunaan gambar membantu menarik minat murid. Ia turut disokong oleh pengkaji (Leonardo et.al 2022, Sesrica & Jismulatif 2017 dan Styati 2016) dimana menurut mereka penggunaan gambar dalam pengajaran bahasa dapat meningkatkan motivasi pelajar, minat serta sikap murid sekaligus meningkatkan prestasi penulisan

Tambahan pula murid lebih memahami, terbuka minda untuk mencuba sesuatu benda yang baharu dan menunjukkan minat terhadap penulisan bahasa Inggeris. Ini juga disebabkan mereka telah faham cara yang betul untuk menulis malah cara ini memudahkan mereka sekiranya pertama kali untuk mencuba membina ayat.

Teknik melengkapkan jadual SVO mengikut gambar yang dibulatkan oleh murid, menyebabkan mereka menjadi lebih peka dan dalam memastikan kotak-kotak di jadual itu dilengkapkan. Selain itu, jadual ini lebih memudahkan murid untuk memeriksa ejaan dan dapat menulis ayat dengan lebih baik dan betul struktur ayatnya. Malah, murid juga dapat mengesan kesalahan pada ayat apabila mereka melengkapkan jadual tersebut, sekiranya terdapat ruang kosong pada jadual tersebut samada mereka terlupa memasukkan, mereka akan cepat mengetahui kesilapan dan akan terus melengkapkan ruang itu agar menjadi satu ayat yang lengkap.


Hasil Kajian:

Setelah murid mempraktikkan jadual SVO dan membulat gambar, mereka dapat menghasilkan ayat mudah dengan baik.




	Subject	Verb	Object (with-quantity)
1.	Grandfather	is reading	a newspaper on a lazy chair.
2.	Emily's mother	is cleaning	the dust away from the shelves
3.	Emily	is arranging	all her family's stuff on the shelves
4.	Emily	is arranging	the flowers in a vase
5.	Emily	is playing	an airplane toy in front of her father.

Rajah 8: Murid Berjaya Membina Ayat Mudah



Rajah 9: Murid Membuat Gambar Sambil Melengkapkan Jadual SVO



Rajah 10: Murid Berkeyakinan Untuk Menulis Di Papan Putih

Cadangan Kajian

Bagi mendapat markah yang lebih baik, ayat di dalam penulisan perlulah ada ayat penyambung bagi menarik minat pemeriksa serta pembaca. Oleh itu, pengkaji mencadangkan kajian akan datang ditambah satu lagi kotak di hadapan S, dengan tambahan *linkers (L)* atau ayat penyambung. Oleh itu, murid boleh melengkapkan ayat dengan menggunakan linkers seperti *However, suddenly, after that, so* dan Jadual SVO akan diubah dengan LSOV. Pengkaji berharap dengan penambahan ini, murid dapat membina ayat dengan lebih menarik lagi dan seterusnya menghasilkan karangan yang lebih baik dan bermakna.

Kesimpulan

Dari awal persekolahan, pengkaji mengenal pasti murid yang bermasalah dalam penulisan kertas Bahasa Inggeris. Pelbagai cara dan aktiviti telah pengkaji cuba lakukan untuk murid agar mereka dapat membina ayat yang mudah. Sebagai contoh, pengkaji telah meminta murid menyalin karangan pendek setiap minggu, perbincangan di dalam kumpulan dan pelbagai aktiviti lain tetapi usaha itu tidak mendatangkan hasil. Sebagai contoh, sekiranya perbincangan di dalam kumpulan, mereka tidak memberi idea malah mereka akan berbual kosong dan tugas

menyalin karangan pendek kurang berjaya kerana mereka tidak mengikut langkah atau cara yang sepatutnya mereka lakukan, malahan mereka hanya menyalin karangan keesokan harinya sebelum kelas pengkaji bermula.

Oleh itu, dengan adanya jadual SVO dengan teknik membulatkan gambar ini, telah berjaya merubah tanggapan mereka. Pengkaji sangat bersyukur dengan cara jadual SVO kaedah membulatkan gambar ini, satu perubahan telah berjaya dilakukan. Murid lebih seronok dan yang paling penting mereka faham bagaimana cara untuk menulis ayat yang lengkap dan betul.

Walaupun, pada mulanya agak sukar untuk mengikut setiap langkah tersebut kerana murid selalunya hendak menyiapkan tugas dengan cepat. Ia tidak mematah semangat pengkaji untuk sentiasa mengingatkan mereka untuk membulatkan gambar serta melengkapkan jadual. Selain itu penyediaan latih tubi yang kerap dapat membantu mereka untuk mahir dalam membulat dan melengkapkan jadual sehingga menghasilkan ayat yang lengkap dan betul.

Rujukan

- Abdullah, Y., & Yunus, M. M. (2019). The use of pictures in improving students' writing. *Modern Journal of Language Teaching Methods (MJLTM)*, 1–8
- Fareed, M., Ashraf, A., & Bilal, M. (2016). ESL Learners' Writing Skills: Problems, Factors and Suggestions. *Journal of Education and Social Sciences*, 4, 81-92. <https://doi.org/10.20547/jess0421604201>
- Foster, B. (2015). Teaching Children with Reading and Writing Difficulties in Regular Schools. *Kurikulum standard sekolah rendah tahun 5, Kementerian Pendidikan Malaysia* <https://www.moe.gov.my/index.php/muat-turun/penerbitan-dan-jurnal/dskp-kssr>
- Ling, Y. L. C. (2016). Teaching Writing. In W. A. Renandya, & H. P. Widodo (Eds.), *English Language Teaching Today: Building a Closer Link between Theory and Practice* (pp. 1-20). New York: Springer International.
- Leonardo, P., Saragih, D., Sibatuara, R., & Silaen, M. (2022). Teaching Writing Through Picture For Junior High School Students. *Romeo: Review Of Multidisciplinary Education, Culture And Pedagogy*, 1(2), 9-18.
- Liong, Y. P. K. A. & Yunus, M. M. (2019). The use of pictures in improving students' writing. *Modern Journal of Language Teaching Methods (MJLTM)*, 1-8.
- Misbah, N. H., Mohamad, M., Yunus, M. M., & Ya'acob, A. 2017. Identifying the Factor Contributing to Students' Difficulties in the English Language Learning. *Creative Education*, 8(13),1999-2008
- Nyang'au Benard, N. (2014). Challenges Students Face in Learning Essay Writing Skills in English Language in Secondary Schools in Manga District, Nyamira County, Kenya
- Ridwan Wahid & Zahariah Pilus. 2017. Learning English in a Third Space. Malay Students in an English-Speaking University in Malaysia. *Pertanika Journal*, pp.1167- 1180
- Sa'diyah, H. (2017). Improving Students'ability In Writing Descriptive Texts Through A Picture Series-Aided Learning Strategy. *The English Teacher*, 19.
- Sesrica, M., & Jismulatif, A. (2017). The Effect of Using Pictures In Teaching Writing Descriptive Text For The Second Year Students Of SMPN 1
- Siak Hulu.Styati, E. W. (2016). Effect of YouTube Videos and Pictures on EFL Students' Writing Performance. *Dinamika Ilmu*, 16(2), 307–317
- Tan, X. Y., & Wan, M. W. M. (2019). Integration of 21st Century Learning Skills (4C Elements) in Interventions to Improve English Writing Skill Among 3K Class Students. *International Journal of Contemporary Education*, 2(2), 100-121.

Wening, R. H. (2017). The Role Of Picture Series In Improving Students'writing Ability. Prosiding Seminar Nasional Mahasiswa Kerjasama Direktorat Jenderal Guru Dan Tenaga Kependidikan Kemendikbud 2016